YAM Tengku Iskandar ibni Almarhum Tengku Ahmad lwn Majlis Perajaan Negeri Kelantan & Satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO R2-22-2-96
AZMEL H
30 JANUARI 1997

Kebankrapan *— Keupayaan seorang bankrap — Deklarasi bahawa bankrap adalah sultan yang sah — Sama ada kebenaran pegawai pemegang harta diperlukan sebelum plaintif memulakan tindakan — Sama ada tuntutan plaintif merupakan tindakan yang dikecualikan daripada mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta — Akta Kebankrapan 1967 s 38(1)(a)*

Undang-Undang Perlembagaan *— Guaman melibatkan kerajaan atau pemerintah — Bidang kuasa — Plaintif menuntut deklarasi bahawa beliau adalah sultan yang sah bagi Negeri Kelantan — Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif — Perlembagaan Persekutuan perkara 71(1), Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan perkara VI (Bhg Kedua)*

Melalui pernyataan tuntutan terpinda, plaintif memohon kepada mahkamah untuk deklarasi bahawa beliau adalah sultan yang sah bagi Negeri Kelantan. Defendan-defendan telah memohon agar pernyataan tuntutan terpinda plaintif tersebut dibatalkan berdasarkan kepada alasan-alasan berikut: (i) plaintif adalah seorang bankrap dan dengan itu tidak kompeten untuk memulakan tindakan ini tanpa kebenaran [sanction] pegawai pemegang harta menurut s 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta tersebut'); dan (ii) tuntutan plaintif adalah berada dalam bidang kuasa Majlis Perajaan Negeri Kelantan dan bukannya dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan mahkamah undang-undang yang lain menurut perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama dengan perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan. Fakta bahawa plaintif adalah seorang bankrap tidak dipertikaikan. Bagaimanapun, plaintif mengatakan bahawa beliau telah mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta untuk memulakan tindakan ini dan telah mengemukakan satu surat daripada pegawai pemegang harta itu. Berkaitan dengan isu bidang kuasa ini, plaintif telah menimbulkan isu bahawa memandangkan defendan-defendan tidak memfailkan kehadiran bersyarat, maka defendan-defendan hendaklah dianggap sebagai telah mempersetujui bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan plaintif ini dan defendan-defendan adalah dihalang daripada membuat permohonan untuk mengetepikan tindakan plaintif di atas alasan mahkamah tidak ada bidang kuasa. Penolong kanan pendaftar telah meluluskan permohonan defendan-defendan. Oleh itu, plaintif membuat rayuan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Kandungan surat daripada pegawai pemegang harta jelas menunjukkan bahawa ia bukanlah satu kebenaran yang diberi oleh pegawai pemegang harta. Surat itu cuma memberi pendapat

bahawa plaintif tidak perlu mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta oleh kerana tindakannya itu tidak melibatkan harta atau tanggungan plaintif/bankrap dan oleh itu tidak termasuk dalam maksud s 38(1)(a) Akta tersebut (lihat ms 560I dan 561A). A

(2) Dari kandungan s 38(1)(a), tindakan yang dikecualikan daripada mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta ialah 'action for damages in respect of injury to his person' sahaja. B

Tuntutan plaintif bahawa Sultan Negeri Kelantan sekarang adalah tidak sah dan plaintif adalah orang yang sah menjadi Sultan Negeri Kelantan bukanlah satu tindakan ganti rugi 'in respect of injury to his person'. Tindakan plaintif ini, jika berjaya, akan dengan serta merta mengubah corak hidup plaintif, bukan sahaja dari segi kewangan dan status, tetapi juga akan menggugat kedudukan Sultan Negeri Kelantan sekarang. Berpandukan kepada tuntutan itu, adalah tidak benar sama sekali bagi pegawai pemegang harta di dalam suratnya memberi pendapat bahawa tindakan plaintif itu tidak melibatkan harta bankrap. C D

Oleh itu, plaintif perlu mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta untuk memulakan tindakan beliau kerana tindakannya itu tidak boleh dikecualikan daripada maksud s 38(1)(a) Akta tersebut. Surat yang dikemukakan oleh plaintif itu bukanlah satu kebenaran yang dimaksudkan. Ini bererti tindakan plaintif telah dimulakan tanpa kebenaran daripada pegawai pemegang harta. Oleh itu, tindakan plaintif adalah tidak sah (lihat ms 561D–F, G–H). E

(3) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah memberi kuasa kepada Majlis Perajaan Negeri Kelantan untuk membuat pengesahan di atas siapa yang layak mewarisi kerajaan Kelantan. Sultan Kelantan sekarang telah dilantik dan disahkan oleh Majlis Perajaan Kelantan mengikut Perlembagaan Negeri Kelantan. Keputusan Majlis Perajaan Kelantan adalah mutlak dan tidak wajar dipertikaikan di mahkamah. Adalah tidak wajar bagi mahkamah ini mencuba untuk mengambil alih tugas Majlis Perajaan Negeri Kelantan, iaitu badan yang diberi kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut (lihat ms 562I dan 563A–B); *Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus* [1981] 1 MLJ 29 diikut. F G

(4) Terdapat dua jenis bidang kuasa mahkamah iaitu: (i) bidang kuasa yang telah diambil alih oleh satu badan lain melalui statut, oleh itu tidak lagi wujud; dan (ii) bidang kuasa yang wujud iaitu kuasa bagi menentukan sama ada mahkamah ada bidang kuasa memutuskan sesuatu perkara. H

Dalam kes ini, bidang kuasa mahkamah yang pertama telah, melalui perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama dengan perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, diambil alih oleh Majlis Perajaan Negeri Kelantan. Oleh itu, soal persetujuan defendan-defendan I

kerana memasukkan kehadiran tanpa bersyarat tidak timbul kerana defendan-defendan tidak boleh bersetuju kepada bidang kuasa mahkamah yang tidak wujud. Apa yang masih wujud ialah bidang kuasa yang kedua, iaitu bidang kuasa untuk memutuskan sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan plaintif. Maka, mahkamah tidak ada bidang kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif (lihat ms 563I dan 564A–E); *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721 diikut.

[English summary

By an amended statement of claim, the plaintiff made an application to the court for a declaration that he is the the lawful sultan for the State of Kelantan. The defendants had made an application praying that the plaintiffs' amended statement of claim be struck out based on the following grounds: (i) the plaintiff was a bankrupt and therefore was not competent to bring this action without the sanction of the official assignee pursuant to s 38(1)(a) of the Bankruptcy Act 1967 ('the Act'); and (ii) the plaintiff's claim was within the jurisdiction of the Council of Succession of the State of Kelantan and not within the jurisdiction of the High Court and other courts of law pursuant to art 71(1) of the Federal Constitution read with art VI (Pt II) of the Laws of the Constitution of Kelantan. The fact that the plaintiff was a bankrupt was not disputed. However, the plaintiff alleged that he had obtained the sanction of the official assignee to bring this action dan had produced a letter from the official assignee. In connection with the issue of jurisdiction, the plaintiff had raised the issue that in view of the defendants not filing conditional appearance, the defendants were to be presumed as having agreed that this court had jurisdiction to hear the plaintiff's claim and the defendants were prevented from making an application to set aside the plaintiff's action on the ground that the court had no jurisdiction. The senior assistant registrar had approved the defendants' application. Therefore, the plaintiff appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) The contents of the letter from the official assignee clearly indicated that it was not a sanction given by the official assignee. The letter merely gave the opinion that the plaintiff did not need the sanction of the official assignee because the action did not involve the property or liability of the plaintiff/bankrupt and therefore was excluded from the meaning of s 38(1)(a) of the Act (see pp 560I and 561A).

(2) From the contents of s 38(1)(a), the action exempted from having to obtain the sanction of the official assignee was an 'action for damages in respect of injury to his person' only.

The plaintiff's claim that the present Sultan of the State of Kelantan was not lawful and the plaintiff was the lawful Sultan of the State of Kelantan was not an action for damages 'in

respect of injury to his person'. The plaintiff's action, if it succeeded, would immediately alter the lifestyle pattern of the plaintiff, not only from the financial and status viewpoints, but would also threaten the position of the present Sultan of Kelantan. Based on the claim, it was not at all truthful of the official assignee to give the opinion in his letter that the plaintiff's action did not involve the bankrupt's property.

Hence, the plaintif needed to obtain the sanction of the official assignee in order to bring his action because his action could not be excluded from the meaning of s 38(1)(a) of the Act. The letter adduced by the plaintiff was not the sanction meant. This meant the plaintiff's action was brought without the sanction of the official assignee. Therefore, the plaintiff's action was invalid (see p 561D–F, G–H).

(3) The Laws of the Constitution of Kelantan had authorized the Council of Succession of the State of Kelantan to make validations as to who was eligible to succeed the government of Kelantan. The present Sultan of Kelantan had been appointed and approved by the Council of Succession of the State of Kelantan pursuant to the Constitution of the State of Kelantan. The decision of the Council of Succession of the State of Kelantan was absolute and it was inappropriate to dispute it in court. It was inappropriate for this court to try to take over the duties of the Council of Succession of the State of Kelantan, ie the body authorized to execute those duties (see pp 562I and 563A–B); *Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus* [1981] 1 MLJ 29 followed.

(4) There are two types of court's jurisdiction, namely: (i) jurisdiction that has been taken over by another body through statute, therefore no longer existing; and (ii) jurisdiction that existed, ie power to determine whether the court has jurisdiction to decide a particular matter.

In this case, the jurisdiction of the first court, by virtue of art 71(1) of the Federal Constitution read together with art VI (Pt II) of the Laws of the Constitution of Kelantan, had been taken over by the Council of Succession of the State of Kelantan. Therefore, the question of agreement by the defendants for entering unconditional appearance did not arise because the defendants could not have agreed to the jurisdiction of a court that did not exist. What did subsist was the second jurisdiction, namely the jurisdiction to decide whether this court had jurisdiction to hear the plaintiff's claim. Therefore, the court had no jurisdiction to hear the plaintiff's claim (see pp 563I and 564A–E); *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes berkenaan dengan keupayaan seorang bankrap, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 1277–1283.

A Untuk kes berkenaan dengan guaman melibatkan kerajaan atau pemerintah, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 1109–1114.

Kes-kes yang dirujuk

B *'Avro International' (Owners of) v Arabian Marine Bunkers Sales Co Ltd & Anor* [1988] 1 MLJ 147 (dirujuk)
Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus [1981] 1 MLJ 29 (diikut)
Wilkinson v Barking Corp [1948] 1 KB 721 (diikut)

C **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kebankrapan 1967 s 38(1)(a)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19
Perlembagaan Persekutuan perkara 71(1)
Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan perkara VI
D (Bhg Kedua)

Shahabuddin Sheikh Alaudin (*Amir Hassan* bersamanya) (*Zainal & Shahabuddin*) bagi pihak plaintif.
Raja Aziz Addruse (*Hj Mohd Salleh Abas* dan *Yaacob Hussain Merican* bersamanya) (*Salleh Abas Yaacob & Sofiah*) bagi pihak defendan-defendan.
E

Azmel H: Ini adalah suatu rayuan oleh plaintif terhadap keputusan penolong kanan pendaftar pada 25 Jun 1996 yang telah meluluskan permohonan defendan pertama dan defendan kedua yang dibuat di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') dan/atau di
F bawah kuasa sedia ada mahkamah agar pernyataan tuntutan terpinda pihak plaintif terhadap mereka dibatalkan.

Fakta dan latar belakang ringkas kes adalah seperti berikut. Melalui pernyataan tuntutan terpinda bertarikh 19 Mac 1996, plaintif memohon kepada mahkamah untuk deklarasi yang membawa kesan berikut, iaitu
G bahawa beliau (plaintif) adalah sultan yang sah bagi Negeri Kelantan Darul Naim.

Terhadap tuntutan plaintif ini, defendan pertama dan defendan kedua telah, melalui saman dalam kamar (kandungan 11), memohon agar pernyataan tuntutan terpinda pihak plaintif tersebut dibatalkan di bawah A 18 k 21 KMT dan/atau di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah.
H

Permohonan defendan pertama dan defendan kedua tersebut telah didengar oleh penolong kanan pendaftar di mana beliau pada 25 Jun 1996 telah meluluskan permohonan tersebut. Terhadap keputusan penolong kanan pendaftar inilah maka rayuan ini dibuat oleh plaintif.

Dua alasan telah diberikan oleh peguam bagi defendan pertama dan
I defendan kedua dalam memohon agar pernyataan tuntutan terpinda plaintif tersebut perlu dibatalkan, iaitu:

(i) plaintif adalah seorang bankrap dan dengan itu tidak kompeten untuk memulakan tindakan ini tanpa kebenaran [sanction] pegawai

pemegang harta menurut s 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967 ('Akta tersebut'); dan

(ii) tuntutan plaintif adalah berada dalam bidang kuasa Majlis Perajaan Negeri Kelantan dan bukannya dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan mahkamah undang-undang yang lain menurut perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama dengan perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.

Saya telah menimbangkan kedua-dua alasan ini dan saya dapati alasan-alasan itu mempunyai merit.

Mengenai alasan pertama defendan-defendan, fakta bahawa plaintif adalah seorang bankrap tidak dipertikaikan. Bagaimanapun, plaintif mengatakan bahawa beliau telah mendapat kebenaran [sanction] daripada pegawai pemegang harta untuk memulakan tindakan ini dan telah mengemukakan satu surat daripada pegawai pemegang harta itu (eks T1-3). Surat itu, yang ditujukan kepada peguam plaintif, berbunyi seperti berikut:

Tetuan Zainal & Shahabudin
Peguambela & Peguamcara
Lot 2.15, Tingkat 2
Bangunan Angkasaraya
Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

29 Februari 1996

Tuan,

Dalam perkara Kebankrapan (Kelantan) No 1103/90 — Ber Tengku Iskandar ibni Tengku Ahmad

Adalah saya diarah merujuk surat tuan bertarikh 15 Februari 1986 berkaitan perkara di atas.

2 Adalah dimaklumkan bahawa kes guaman yang anak guam tuan akan mulakan itu adalah tidak terletakhak dengan pegawai pemegang harta kerana ianya tidak melibatkan harta atau tanggungan bankrap. Oleh itu, sanksi [sanction] pegawai pemegang harta di bawah s 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967 tidak perlu diperolehi.

3 Bagaimanapun, sebarang kos dan perbelanjaan yang timbul kelak dari kes ini hendaklah ditanggung sendiri oleh bankrap.

Sekian, untuk tindakan tuan.

Berkhidmat untuk Negara
Cintailah Bahasa Kita

Saya yang menurut perintah,

(Alice Loke Yee Ching)
Timbalan Pegawai Pemegang Harta
bp Pegawai Pemegang Harta
Malaysia

Kandungan surat ini jelas menunjukkan bahawa ia bukanlah satu kebenaran [sanction] yang diberi oleh pegawai pemegang harta. Surat itu cuma

memberi pendapat bahawa plaintif tidak perlu mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta oleh kerana tindakannya itu tidak melibatkan harta atau tanggungan plaintif/bankrap dan oleh itu tidak termasuk dalam maksud s 38(1)(a) Akta tersebut.

Di atas pendapat pegawai pemegang harta itu, saya rasa adalah perlu untuk saya merujuk dan mengkaji kandungan s 38(1)(a) Akta tersebut untuk menentukan sama ada plaintif perlu mendapat kebenaran daripada pegawai pemegang harta untuk memulakan tindakan ini. Seksyen itu berbunyi seperti berikut:

> 38(1) Where a bankrupt has not obtained his discharge —
>
> (a) the bankrupt shall be incompetent to maintain any action (other than action for damages in respect of injury to his person) without the previous sanction of the Official Assignee.

Dari kandungan s 38(1)(a) ini, tindakan yang dikecualikan daripada mendapat sanksi daripada pegawai pemegang harta ialah 'action for damages in respect of injury to his person' sahaja. Soal yang perlu dipertimbangkan ialah sama ada tindakan yang dibawa oleh plaintif di dalam kes ini termasuk di dalam perkara yang dikecualikan di bawah s 38(1)(a). Tuntutan plaintif, antara lain, ialah untuk satu perisytiharan bahawa Sultan Negeri Kelantan sekarang adalah tidak sah dan plaintif adalah orang yang sah menjadi Sultan Negeri Kelantan dan defendan-defendan diarah untuk menabalkan dan memasyhurkan plaintif sebagai Sultan Negeri Kelantan. Pada pendapat saya, tuntutan yang sebegini rupa bukanlah satu tindakan gantirugi 'in respect of injury to his person'. Tindakan plaintif ini, jika berjaya, akan dengan serta merta mengubah corak hidup plaintif, bukan sahaja dari segi kewangan dan status, tetapi juga akan menggugat kedudukan Sultan Negeri Kelantan sekarang. Berpandukan kepada tuntutan itu, adalah tidak benar sama sekali bagi pegawai pemegang harta di dalam suratnya memberi pendapat bahawa tindakan plaintif itu tidak melibatkan harta bankrap.

Di atas sebab-sebab yang saya nyatakan di atas, saya berpendapat bahawa plaintif perlu mendapat sanksi daripada pegawai pemegang harta untuk memulakan tindakan beliau ini oleh kerana tindakannya itu tidak boleh dikecualikan daripada maksud s 38(1)(a) Akta tersebut. Surat yang dikemukakan oleh plaintif itu bukanlah satu sanksi yang dimaksudkan. Ini bererti tindakan plaintif ini telah dimulakan oleh beliau tanpa sanksi daripada pegawai pemegang harta. Di atas ketiadaan sanksi daripada pegawai pemegang harta itu, tindakan plaintif ini adalah tidak sah. Di atas alasan ini sahaja permohonan defendan-defendan wajar dibenarkan.

Mengenai alasan kedua defendan-defendan pula, pihak defendan-defendan telah menghujahkan bahawa mahkamah ini tiada bidang kuasa untuk memutuskan tuntutan plaintif, berpandukan kepada peruntukan perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan dan dibaca bersama dengan perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.

Perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan berbunyi seperti berikut:

> 71(1) The Federation shall guarantee the right of a Ruler of a State to succeed and to hold, enjoy and exercise the constitutional rights

and privileges of Ruler of that State in accordance with the Constitution of that State; but any dispute as to the title to the succession as Ruler of any State shall be determined solely by such authorities and in such manner as may be provided by the Constitution of that State.

Perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan pula berbunyi seperti berikut:

VI No person shall succeed to the throne and sovereignty of Kelantan unless his succession has been confirmed by the Council of Succession.

Mengikut peruntukan perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan, soal pewarisan Raja Negeri Kelantan hendaklah mengikut kuasa yang ditentukan dengan mutlak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan negeri tersebut. Perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan mengatakan bahawa pewarisan raja hendaklah disahkan oleh Majlis Perajaan Negeri Kelantan [Council of Succession].

Isu yang sama telahpun dibincangkan dengan terperincinya di dalam kes *Dato Menteri Othman bin Baginda & Anor v Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus* [1981] 1 MLJ 29 di mana plaintif/penentang telah memohon kepada mahkamah untuk satu deklarasi bahawa perlantikan Dato Undang Luak Jelebu oleh defendan pertama adalah tidak sah dari segi adat istiadat orang Melayu Luak Jelebu. Kelima-lima hakim Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan itu telah memberi penghakiman mereka masing-masing mengenai sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membuat keputusan terhadap isu itu. Saya rasa memadailah jika saya cuma menyatakan di sini keputusan Raja Azlan Shah Ag HBM (pada masa itu) yang berbunyi (di ms 33):

This court, being the highest court in the land in constitutional matters, should take the occasion to reaffirm expressly, unequivocably and unanimously the constitutional position of the Ruler in matters of succession including the election of the Undang and to hold that it is non-justiciable. Here is something basic to our system of government: the importance of holding it far transcends the significance of any particular case. The Dewan in this case has blessed the appointment of the 15th Undang of Jelebu and for judges at first instance or an appeal to pre-empt its function is for courts to usurp the function of the Dewan, and apart from this, the Dewan is a far more suitable forum for discharging the function than a panel of five judges. It is open to the courts in this country to refuse a remedy on the ground that it is forum non conveniens. This doctrine is that a court may decline to exercise jurisdiction on the ground that another body would be more appropriate.

Keadaan kes sekarang adalah sama seperti kes *Dato Menteri Othman bin Baginda*. Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah memberi kuasa kepada Majlis Perajaan Negeri Kelantan untuk membuat pengesahan di atas siapa yang layak mewarisi kerajaan Kelantan. Sultan Kelantan sekarang telah dilantik dan disahkan oleh Majlis Perajaan Kelantan mengikut Perlembagaan Negeri Kelantan. Keputusan Majlis Perajaan Kelantan adalah mutlak dan tidak wajar dipertikaikan di mahkamah. Mahkamah ini terpaksa patuh dengan keputusan Mahkamah Agung di

dalam kes *Dato Menteri Othman bin Baginda*. Oleh itu, adalah tidak wajar bagi mahkamah ini mencuba untuk mengambil alih tugas Majlis Perajaan Negeri Kelantan, iaitu badan yang diberi kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut mengikut Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.

Berkaitan dengan isu bidang kuasa ini, peguam plaintif telah menimbulkan satu isu iaitu, memandangkan defendan-defendan tidak menfailkan kehadiran bersyarat, maka defendan-defendan hendaklah dianggap sebagai telah mempersetujui bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan plaintif ini. Dan defendan-defendan adalah dihalang daripada membuat permohonan untuk mengetepikan tindakan plaintif di atas alasan mahkamah tidak ada bidang kuasa. Sebagai menyokong hujahan plaintif itu, peguam plaintif telah merujuk kepada satu keputusan kes Singapura *'Avro International' (Owners of) v Arabian Marine Bunkers Sales Co Ltd & Anor* [1988] 1 MLJ 147 di mana Lai Kew Chai H berkata (di ms 149):

> The effect of entering an unconditional appearance is twofold: (1) it waives any irregularity of the writ or its service; and (2) the defendant is considered to have submitted to the jurisdiction of the court ... .

Di dalam kes yang sama, Lai Kew Chai H, bagaimanapun, telah terus mengatakan (di ms 150):

> The one exception to the general effect of an unconditional appearance is the situation where a court under any written law lacks jurisdiction to entertain the claim at all, as in *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721. There, the defendant was allowed to assert the want of jurisdiction of the court although he had entered an unconditional appearance because a statutory tribunal and not the court was vested with the jurisdiction to entertain the claims of superannuation such as the one asserted by the plaintif. An exception to the effect of an unconditional appearance was made in that case because the court would otherwise have entertained the claim contrary to law.

Di dalam kes *Wilkinson v Barking Corp* [1948] 1 KB 721, pengecualian yang disebut oleh Lai Kew Chai H itu telah diterangkan dengan jelasnya oleh Asquith LJ seperti berikut (di ms 725):

> No act of the parties can create in the courts a jurisdiction which Parliament has said shall vest, not in the courts, but exclusively in some other body. Nor again can a party submit to, so as to make effective, a jurisdiction which does not exist: which is perhaps another way of saying the same thing. The argument we are here rejecting seems to be based on a confusion between two distinct kinds of jurisdiction: The Supreme Court may, by statute, lack jurisdiction to deal with a particular matter ... but it has jurisdiction to decide whether or not it has jurisdiction to deal with such matter. By entering an unconditional appearance, a litigant submits to the second of these jurisdictions (which exists), but not to the first (which does not). We are not here concerned with irregularity in the service or issue of the writ which raises other considerations which are here quite out of place.

Asquith LJ telah dengan jelas menerangkan bahawa ada dua jenis bidang kuasa iaitu:

(i) di mana bidang kuasa yang tidak lagi wujud dan yang telah diambil alih oleh satu badan lain melalui statut; dan

(ii) satu bidang kuasa yang wujud iaitu kuasa bagi menentukan sama ada mahkamah itu ada bidang kuasa memutuskan sesuatu perkara. Dengan memasukkan kehadiran tanpa bersyarat, defendan cuma bersetuju dengan bidang kuasa yang kedua yang wujud, tetapi tidak bersetuju dengan bidang kuasa mahkamah yang pertama kerana defendan tidak berupaya untuk membuat apa-apa persetujuan mengenai bidang kuasa mahkamah yang tidak wujud.

Begitu juga keadaan kes sekarang ini. Bidang kuasa mahkamah yang pertama telah, melalui perkara 71(1) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama dengan perkara VI (Bhg Kedua) Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, diambil alih oleh Majlis Perajaan Negeri Kelantan. Oleh itu, soal persetujuan defendan-defendan kerana memasukkan kehadiran tanpa bersyarat tidak timbul kerana defendan-defendan tidak boleh bersetuju kepada bidang kuasa mahkamah yang tidak wujud. Apa yang masih wujud ialah bidang kuasa yang kedua, iaitu bidang kuasa untuk memutuskan sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan plaintif. Di atas alasan-asalan yang dinyatakan di atas, isu yang ditimbulkan oleh peguam plaintiff tidak berasas.

Setelah menimbangkan keseluruhan permohonan defendan-defendan, saya berpendapat alasan kedua permohonan defendan-defendan adalah bermerit. Oleh itu, saya memutuskan bahawa mahkamah ini tidak ada bidang kuasa untuk mendengar tuntutan plaintif oleh kerana bidang kuasa itu telah diambil alih oleh Majlis Perajaan Negeri Kelantan.

Di atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, permohonan defendan-defendan (kandungan 11) adalah diluluskan dengan kos dan tindakan plaintif adalah dibatalkan.

Rayuan ditolak; tindakan plaintif dibatalkan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar